

12 NOV 1998

APEC-BERITA-MAHATHIR

APEC AKAN BERI TUMPUAN KEPADA MASALAH EKONOMI ASIA TIMUR

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan harapan agar mesyuarat forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) akan memberi tumpuan kepada masalah ekonomi di Asia Timur dan di dunia sekarang.

Bercakap pada sidang berita selepas melancarkan dua model baru Proton Perdana dan Proton Satria di sini hari ini, beliau berkata adalah diharapkan APEC akan dapat memutuskan "apa yang perlu dilakukan berhubung dengan dagangan matawang."

Perdana Menteri sebelum itu berkata Malaysia akan mengkaji untuk menarik balik kawalan selektif matawangnya apabila masyarakat antarabangsa mengambil keputusan "untuk melakukan sesuatu kepada regim kewangan dunia dan mengawal dagangan matawang."

"Kita perlu lihat apa regim (kewangan) yang mereka ada di peringkat antarabangsa sebelum kita menarik balik kawalan kita," katanya.

Ditanya bagaimana kawalan itu berjalan setakat ini, beliau berkata "tidak ada apa yang runtuh (di negara ini) dan ia tidak terlalu menyakitkan."

Dr Mahathir berkata sebaliknya Malaysia masih baik dari segi perdagangan dan kelebihan yang besar, simpanan yang lebih besar dan jualan rumah dan kenderaan yang lebih baik.

-- BERNAMA

SHO SHY WAT